



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

FRIM394/339/1/1(14)

Tarikh : 05.03.2014

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 2/2014

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkecualan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

- 1. (a) JAWATAN: AKAUNTAN GRED W41
(Kekosongan satu (1) jawatan)**
- (b) TARAF JAWATAN :** TETAP/KONTRAK
- (c) JADUAL GAJI :** RM 1,925.00 (Minimum) – RM 8,685.00 (Maksimum)
- (d) KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN:** RM225.00
- (e) IMBUHAN :**
 - (i) TETAP KHIDMAT AWAM :** RM300.00
 - (ii) TETAP PERUMAHAN :** RM250.00
 - (iii) BANTUAN SARA HIDUP :** RM300.00
- (f) SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) terdiri daripada warganegara;
 - (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (g)**
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM2,650.63); atau
 - (ii) Badan Profesional (Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan);
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM2,650.63); atau
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM2,754.41); atau

(iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : RM2,858.19);

dan Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(h) PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Akauntan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik FRIM untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Akauntan Gred W41 dan:-

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(g) di atas;
- (ii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan
- (iii) Telah disahkan dalam perkhidmatan.

(i) PENGALAMAN BEKERJA

Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam pengurusan kewangan adalah diutamakan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang BPSM/1/1 Pindaan 2 yang boleh dimuat turun daripada laman web Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) (www.frim.gov.my) atau boleh mendapatkan borang tersebut di **Pejabat Bahagian Sumber Manusia, Blok B3, FRIM**. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada **Bahagian Sumber Manusia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Blok B3, 52109 Kepong, Selangor Darul Ehsan pada atau sebelum 13 Mac 2014**.

Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran *passport*, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil keputusan peperiksaan dan salinan sijil tamat persekolahan, lesen memandu (sekiranya berkaitan) yang **DISAHKAN**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 Mac 2014 (Khamis)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.